



Submission date: 15/06/2017

Accepted date: 05/09/2017

PELAKSANAAN TUGASAN DIALOG TENTANG ISLAM MENERUSI FACEBOOK DALAM KURSUS “TEKNOLOGI MAKLUMAT DAKWAH”

*The Implementation of the Assignment Dialogue on Islam through
Facebook in the Course of "Da'wah in Information Technology"*

Muhamad Faisal Ashaari, Azimah Misrom & Rosmawati Mohamad Rasit
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia

faisal@ukm.edu.my

Abstrak

Dalam dunia tanpa sempadan, terdapat pihak yang sengaja memberikan keraguan terhadap Islam dan menyerang Islam secara emosional menerusi media baru. UKM menawarkan suatu kursus yang dinamakan dengan “Teknologi Maklumat Dakwah” yang menumpukan kepada kedudukan Islam di alam maya. Salah satu tugasannya ialah membincangkan keraguan yang ditimbulkan oleh kumpulan murtad dan Syiah. Pelajar diminta untuk berdialog dengan kedua kumpulan berkenaan menerusi Facebook termasuklah meneliti, memahami, menilai, berbincang dan menjawab keraguan yang ditimbulkan. Dialog merupakan salah satu metode dalam pengajaran dan pembelajaran yang boleh melepas sekurang-kurangnya tahap ketiga Bloom Taxonomy. Artikel ini membincangkan kemampuan pelajar dalam menjalani dialog dengan dua kumpulan berkenaan. Mereka terdiri dari 50 orang yang mengikuti kursus ini pada semester 1, 2013/14. Kajian mendapati bahawa tugas ini benar-benar mencabar kemampuan dan pengetahuan pelajar kerana dialog memerlukan kepada tahap penguasaan ilmu yang tinggi. Oleh itu, sungguhpun mereka sudah mencuba yang terbaik, tetapi ramai dari kalangan mereka yang merasakan belum dapat meyakinkan rakan dialognya dengan hujah-hujahnya. Ini bermakna, kemampuan ilmu sahaja tidak cukup dalam berhujah, tetapi ia juga memerlukan kepada kemahiran analisis, kritis dan rasional. Kajian ini mencadangkan beberapa pengajar dilantik bagi membimbing pelajar mengasah kemahiran berkenaan ketika dialog.

Kata Kunci: dakwah online, dakwah maya, dakwah siber.

Abstract

In the borderless world, there are some parties who deliberately spread doubts about Islam and emotionally attack Islam using new media. UKM offers a course called “Da’wah through Information Technology” which concerns with the position of Islam in new media. One of the assignments for students is to discuss the doubts brought by apostates and Shiite groups. The students are assigned to have dialogues with both groups through Facebook including to examine, to evaluate, to discuss, and to answer doubts risen. Indeed, dialogue is a method of teaching and learning that can exceed at least the third stage of Bloom Taxonomy. This article discusses the ability of the students to have the dialogue with both groups. They are 50 students who undertook this course in Semester 1, 2013/14. The study finds that this task is really challenging the students’ ability in arguing and knowledge because dialogue needs good analytical skills. Therefore, although they have tried their best, many felt that they could not convince their dialogue partners. This means that the knowledge solely is not enough in arguing, but good analytical, critical and rational skills are also it also needed .This study recommends for appointing a number instructors to be appointed to closely guide students in sharpening these skills during dialogue.

Keywords: online da’wah, virtual da’wah, da’wah in cyberspace.

PENDAHULUAN

Kursus Teknologi Maklumat Dakwah merupakan salah satu subjek wajib di Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan (JPDK) yang ditawarkan kepada pelajar yang berada pada semester 5. Ia menumpukan kepada metode dakwah yang berkesan dalam menyampaikan maklumat dan memberikan kesedaran Islam kepada masyarakat menerusi teknologi maklumat. Para pelajar bukan sahaja diajar secara teori tetapi secara praktikal bagi melengkapkan mereka dengan kemahiran dakwah menerusi maya. Kemahiran merupakan *tacit knowledge* yang sukar untuk dipindahkan menerusi penulisan mahupun percakapan tetapi memerlukan kepada pemahaman dan pelaksanaan serta latihan yang berterusan (Long Alex Lai, 2005). Justeru, kursus ini memerlukan kepada tumpuan yang berterusan terhadap aspek aplikasi agar kemahiran itu dapat digarap dan dimantapkan lagi.

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran (P&P) secara latihan yang berterusan ini membolehkan penguasaan pelajar terhadap sesuatu subjek dengan baik kerana mampu melepas tahap ketiga *Bloom Taxonomy* iaitu *application* (aplikasi). Bloom mempunyai enam tahap bermula dengan *knowledge* (pengetahuan), *comprehension* (pemahaman), *application* (aplikasi), *analysis* (analisis), *synthesis* (sintesis) dan peringkat yang terakhir ialah *evaluation* (penilaian). Aplikasi merupakan tahap ketiga pembelajaran yang meliputi aktiviti “*compute, demonstrate, discover, modify, operate, predict, prepare, produce, relate, show, solve, and use*” (Kennedy, 2006). Pada tahap ini, pelajar telah pun boleh memahami subjek dengan baik kerana mereka boleh mengaplikasikan ilmu yang

dipelajari. Dengan ini, matlamat dari mengetahui sesuatu perkara itu pada asasnya sudah tercapai. Sekiranya mereka mampu mencapai tahap yang tinggi dari itu sehingga mencecah tahap penilaian, itu sangat terbaik. Dapat disimpulkan bahawa P&P yang telah dijalankan itu boleh dianggap berkesan.

Integrasi aktiviti amali dengan teori dakwah untuk membangunkan kemahiran telah dilakukan dalam kursus “Teknologi Maklumat Dakwah”. Antara tujuan kursus ini ialah untuk melatih para pelajar agar berani menampilkan diri dalam berdakwah secara maya. Dengan kehadiran media baharu, kursus ini telah memberikan tumpuan kepada dakwah menerusi *facebook* atau blog yang mengetengahkan dan membincangkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan Islam. Pendekatan tugasan amali di alam maya telah dilaksanakan sejak semester 1, 2012/13. Artikel ini akan membincangkan persepsi pelajar terhadap kelancaran tugasan yang diberikan, menganalisis aktiviti dan pola penggunaan media baharu untuk dialog, mengkaji kelestarian tugasan dialog secara maya.

KURSUS TEKNOLOGI MAKLUMAT DAKWAH (PPPM 3033)

Tujuan utama Teknologi Maklumat Dakwah ialah untuk memastikan pelajar dapat menggunakan medium maya sebagai salah satu cara untuk mengembangkan dakwah Islam pada masa kini. Ia juga bertujuan untuk memperkenalkan pelbagai cara, sumber dan perkhidmatan berdasarkan teknologi media baru bagi menyampaikan maklumat dakwah. Kursus ini turut membincangkan pengurusan teknologi maklumat, persembahan serta penyampaian maklumat dakwah Islam. Selain itu, aspek persembahan dan penyampaian maklumat dakwah secara terancang juga diketengahkan dengan menggunakan elemen multimedia dan interaktif. Ia juga turut membincangkan kesan globalisasi maklumat kepada metodologi dakwah serta menjelaskan cabaran, realiti masyarakat dan institusi Islam dalam penggunaan teknologi maklumat (Buku Panduan Pra-siswazah 2013).

Kursus ini diperkenalkan untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran komunikasi yang boleh mengembangkan lagi usaha dakwah menerusi maya. Perkembangan teknologi maklumat yang semakin pantas menjadikan kursus ini semakin relevan dengan keperluan semasa dan sebagai salah satu modul terpenting di jabatan ini khasnya. Ia diharapkan mampu untuk melahirkan modal insan bagi menampung sebahagian keperluan dakwah maya yang memerlukan kepada ramai lagi para pendakwah. Menerusi kursus ini, para pelajar dibimbing untuk membangunkan kreativiti dakwah dengan menggabungkan keupayaan akademik dengan kemahiran teknikal yang disasarkan boleh melepas tahap ketiga Bloom Taxonomy iaitu tahap *application* (aplikasi). Menurut Anderson, L. W et al. (2001) dan Kennedy (2006), pada tahap yang ketiga ini, pelajar bukan sahaja mampu memahaminya sahaja tetapi mampu melaksanakannya. Aplikasi meliputi aktiviti mengira, menunjukkan, menjumpai, mengoperasikan, mengeluarkan,

menunjukkan dan menggunakan. Pada tahap ini pada asasnya untuk memadai pada tahap paling minimum tetapi apabila boleh mencapai tahap *analysis* (analisis), kemudian *synthesis* (sintesis) dan akhirnya *evaluation* (penilaian), itu yang terbaik.

Mana-mana kursus dakwah tidak dianggap mencukupi jika dilakukan hanya secara teori sahaja kerana dakwah itu adalah sebuah pelaksanaan. Ia bukan setakat pengetahuan yang banyak tentang agama tetapi ia adalah penyesuaian kandungan Islam dengan sasaran dakwah yang mungkin berbeza antara seorang dengan seorang yang lain. Setiap satu sasaran memerlukan kepada penyesuaian tersendiri yang perlu difikirkan oleh para pendakwah. Di sinilah terletaknya kebijaksanaan atau lebih dikenali dengan hikmah seperti yang disebut oleh al-Quran (al-Nahl, 16: 125). Oleh itu, P&P dalam bidang ini memerlukan kepada aktiviti praktikal bagi mengasah kemahiran dalam menyampaikan dakwah. Antara hasil pembelajaran yang akan didapati oleh setiap pelajar yang mengambil kursus ini ialah :

1. Mengaplikasikan konsep dan teknik hikmah dakwah di dalam dunia siber menerusi penggunaan teknologi maklumat.
2. Menjelaskan kesan perkembangan teknologi dan lambakan maklumat terhadap Islam dan terhadap pegangan agama umat Islam.
3. Mengaplikasikan cara melaksanakan dakwah menerusi laman web, blog dan laman web sosial.
4. Mengaplikasikan cara untuk mencari, menyumbangkan dan membangunkan maklumat Islam di Internet.

Oleh yang demikian, kemahiran komunikasi dalam menyebarkan dakwah menerusi maya ini sangat penting untuk memastikan pengajaran mencapai tahap yang diperlukan dalam kursus Teknologi Maklumat Dakwah. Setiap pelajar mampu berbahas semula berkaitan untuk isu dakwah melalui Internet atau maya.

DIALOG SEBAGAI SATU METODE DAKWAH

Dialog atau di dalam Bahasa al-Quran ialah *jidal* yang membawa maksud perdebatan. Ia diambil dari ayat al-Quran yang menjadi dasar dakwah di dalam surah al-Nahl, 125. Tetapi, perdebatan di sini bukanlah perdebatan yang membawa kepada pertengkaran, caci maki dan sebagainya kerana ia diikat dengan perkataan “*ahsan*”. Ia mestilah dengan cara yang terbaik kerana mungkin sahaja perdebatan itu membawa kepada perkelahian dan permusuhan. Al-Quran telah memahami tindakan manusia ini, maka dengan lebih awal lagi telah pun ditekankan perkara ini. Ia bukanlah hanya bersifat “*hasan*”, tetapi “*ahsan*”. Penggunaan metode “*ahsan*” ialah dengan cara menyebut persamaan dan membincangkan aspek perbezaan sehingga membawa perbezaan itu kepada aspek persamaan (al-Ghadban, 2011). Dengan ini, apabila pendakwah memberikan pandangan yang mungkin berbeza dengan nilai dan pegangan seseorang atau sekelompok masyarakat, dia mungkin akan ditentang sama ada

secara sembunyi atau terus terang. Di sinilah terletaknya kebijaksanaan pendakwah dalam mengendalikan keadaan itu dan kalau boleh mengadakan dialog dengan orang yang menentang untuk mengetahui asas tentang mereka.

Dialog merupakan tahap yang tertinggi dalam menjalankan dakwah. Ini ditegaskan di dalam al-Quran apabila Allah memulakan metode dakwah itu dengan hikmah, peringatan yang baik dan *mujadalah bi al-ahsan*. Ini bermakna, pendekatan perdebatan dengan cara yang terbaik itu merupakan jalan yang terakhir dalam kalau dilakukan, biarlah secara “*ahsan*”. Ia perlu mampu untuk memberikan hujah balas yang lebih kukuh dan jelas serta dapat memuaskan hati umum. Dalam masa yang sama, ia mestilah tidak berlangsung dalam keadaan yang boleh menimbulkan kebencian dan permusuhan tetapi dalam suasana yang harmoni. Oleh sebab itu, perdebatan tidak harus merendahkan pihak lawan, apatah lagi menghina dan mengejeknya kerana tujuan perdebatan ialah untuk menunjukkan kebenaran sesuai dengan nilai-nilai ajaran Islam. Biarpun mungkin ada yang tidak mahu langsung menerima sebarang pandangan, maka bersangka baiklah dengan dia dan anggaplah ia adalah cabaran bagi pendakwah. Mungkin dia tidak menerimanya buat masa ini, mungkin satu hari nanti dia akan terima jua.

Di dalam al-Quran, berdebat dan berdialog merupakan cara yang penting dalam berfikir dan ia adalah cara mencapai kebenaran seperti yang ditunjukkan dalam kisah Nabi Ibrahim ketika dia berfikir tentang tuhan matahari, bulan dan bintang (al-Quran, 6:74-79). Begitu juga kisah Malaikat yang berdialog dengan Allah tentang pelantikan manusia sebagai khalifah sedangkan mereka soalan merasakan jauh lebih baik dari manusia (al-Quran, 2:30-34). Selain itu, pada zaman Yunani, berdebat ini telah digunakan untuk menentukan kebenaran sesuatu perkara sebagaimana yang ditunjukkan oleh Socrates, Pluto dan Aristotle (Walbridge, 2011). Oleh kerana ia merupakan suatu metode yang penting, mereka telah pun membangunkan cara berdebat yang sistematis untuk mengelak kesalahan dalam membuat keputusan.

Dari perspektif pengajaran dan pembelajaran, berdialog dan berdebat merupakan metode PnP yang berkesan untuk mengasah *soft skill* (Aclan, Aziz, Hashima, & Valdez, 2016) kerana ia boleh untuk merangsang kognitif pelajar. Dalam sebuah kajian berkaitan dengan debat secara maya, pendekatan debat Socrates telah digunakan untuk meningkatkan perbincangan maya, pemikiran kritis dan pembelajaran (Whiteley, 2014). Dari sudut yang lain pula, debat secara maya ini boleh dikategorikan sebagai “*online collaborative learning*” kerana ia adalah salah satu cara yang boleh meningkatkan *teaching presence* dalam maya. Terdapat kajian mendapati bahawa interaksi maya menerusi Facebook telah berjaya menghasilkan *teaching presence* (Annamalai, Tan, & Abdullah, 2016). Apabila dialog dilakukan maka secara tidak langsung otak sentiasa berfikir untuk memahami dan menghadamkan hujah dan jawapan yang dikemukakan. Dia juga berfikir untuk memberikan jawapan balas dan maklum balas. Secara tidak langsung, ia boleh

melepassi tahap ketiga Bloom Taxonomy iaitu mencapai tahap analisis. Ia akan meningkat lagi sekiranya mereka diasak dengan pelbagai persoalan yang akan menyebabkan mereka lebih berfikir. Ringkasnya, dialog maya hingga ke tahap perdebatan merupakan salah satu cara yang berkesan dalam PnP, namun ia tertakluk kepada pelajar dan juga bagaimanakah cara ia dijalankan.

PERJALANAN KURSUS TEKNOLOGI MAKLUMAT DAKWAH (PPPM3033)

Kursus Teknologi Maklumat Dakwah ini ditawarkan di JPDK sebanyak 3 jam kredit yang dijalankan menerusi kuliah selama dua jam dan satu jam tutorial. Di dalam kuliah, pelajar telah diberikan pengajaran tentang teori dan aspek yang berkaitan dengan dakwah maya manakala menerusi tutorial pula, pelajar dibimbing menjalankan praktikal dakwah maya. Tugasan ini ada yang diberikan secara individu dan ada yang secara berkumpulan untuk menilai cara mereka mempraktikkan teori yang dipelajari di dalam dunia maya. Pemberat penilaian pula dilakukan secara 60:40 dimana 60 adalah semasa peperiksaan akhir manakala 40 ialah aspek praktikal.

Aspek yang terpenting di dalam dakwah maya ialah untuk mengenal pasti isu-isu dakwah yang perlu untuk diketengahkan. Antara punca orang Islam tidak memanfaatkan teknologi komunikasi untuk tujuan dakwah ialah kerana mereka tidak tahu apa yang ingin ditulis. Satu-satunya sebab ialah mereka tidak melihat masyarakat dengan pandangan dakwah yang menyebabkan mereka tidak mampu untuk mengetahui penyakit yang berlaku dalam masyarakat. Ashaari & Saparudin (2012) telah menjelaskan aplikasi kaedah *newsworthiness* dalam penulisan Facebook dakwah. Ia menjelaskan cara untuk memilih isu yang boleh mendapatkan tarikan pembacaan termasuk tontonan yang tinggi.

Pada semester 1, 2013/2014, seramai 50 orang pelajar JPDK yang mengambil kursus ini. Mereka telah diberikan tugas untuk melakukan dialog dengan golongan Syiah dan Murtad. Mereka telah dibahagikan kepada tiga kumpulan di mana setiap satu kumpulan diminta membangunkan satu akaun Facebook. Setiap pelajar perlu mengambil bahagian menerusi akaun Facebook berkenaan untuk berdialog dengan golongan tersebut. Ia adalah tugas individu biarpun dijalankan mengikut kumpulan kerana setiap individu akan menggunakan akaun yang sama untuk berdialog. Penilaian diberikan berdasarkan kepada kekerapan setiap pelajar mengadakan dialog dan kematangan hujah dan idea yang dilontarkan. Sebelum itu, pelajar telah diberikan contoh dialog dan panduan untuk menjawab pertanyaan pembaca yang boleh dijadikan panduan dalam mengendalikan dialog ini. Sekiranya mereka ada menghadapi masalah di dalam berdialog, mereka boleh mengajukan perbincangan itu di dalam kelas tutorial. Dengan ini, pelajar akan mengasah bakat dan kemahiran mereka dalam berdialog dengan orang yang mempunyai aliran yang berbeza.

Kemampuan yang baik di dalam dialog ini boleh membawa pelajar mencapai lebih dari tahap tiga *Bloom Taxonomy*. Sewaktu dialog, pelajar bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi mereka mengolah ilmu yang mereka ada mengikut keadaan rakan dialog. Dengan cara ini, mereka bukan sahaja terus “*copy and paste*” sahaja tetapi mereka perlu faham (*comprehension*), menganalisis keadaan rakan dialog dan apa yang mereka ucapkan (*analysys*), membuat sintesis pandangan mereka (*synthesis*) dan akhirnya membuat penilaian terhadap keseluruhan dialog yang dijalankan (*evaluation*). Ke semua keseluruhan kemahiran ini digarapkan berdasarkan kepada penguasaan mereka terhadap ilmu Islam itu sendiri yang bukan sahaja diperolehi sepanjang pengajian di universiti ini, bahkan mungkin juga atas ilmu Islam yang diperolehi sebelum dari menyertai universiti ini lagi. Kursus ini membantu untuk menajamkan lagi kemahiran mereka sebagai pendakwah dalam berkomunikasi secara maya.

METODE KAJIAN

Kajian ini ialah kajian kuantitatif yang dijalankan menerusi soal selidik kepada keseluruhan 50 orang pelajar yang mengikuti kursus Teknologi Maklumat Dakwah pada sem 1, 2013/14. Soalan dikemukakan dalam bentuk skala likert untuk mengesahkan keberkesanan tugas yang diberikan secara maya dalam berdialog kepada kumpulan murtad dan Syiah. Metode ini digunakan sesuai dengan objektif kajian iaitu untuk mendapat maklum balas yang lebih mendalam tentang keberkesanan P&P yang telah mereka lalui. Objektif kajian ialah untuk menganalisis dinamika tugas yang diberikan, mengkaji aktiviti dan pola penggunaan media baharu dalam dialog dan menganalisis kelancaran tugas.

DINAMIKA TUGASAN

Pelajar telah diberi tugas untuk berdialog dengan dua kumpulan yang berbeza pandangan dalam Islam meliputi Syiah dan Murtadin. Kajian ini telah mengkaji maklum balas mereka bagi menilai dinamika tugas yang diberikan kepada mereka. Berikut adalah dapatan dari penilaian berkenaan.

Jadual 1: Penilaian Tugasan Kursus Pppm3033

Bil	Penilaian Dinamika Tugasan PPPM3033	Peratus (%)					Min	S.P.
		STS	TS	TP	S	SS		
B1	Saya pernah berinteraksi secara maya dengan golongan anti Islam	0.0	0.0	6.0	20.0	74.0	4.68	0.59
B2	Saya rasa tugas kursus PPPM3033 adalah mencabar	0.0	2.0	10.0	70.0	18.0	4.04	0.61
B3	Hujah dan provokasi kumpulan anti Islam sangat hebat	0.0	8.0	18.0	68.0	6.0	3.72	0.70
B4	Saya dapat berinteraksi secara interaktif dengan mereka	0.0	10.0	20.0	64.0	6.0	3.66	0.75
B5	Saya telah berjaya mematahkan hujah mereka	0.0	6.0	52.0	38.0	4.0	3.40	0.67
B6	Saya merasakan tugas seperti ini perlu diteruskan pada masa akan datang	0.0	0.0	2.0	36.0	62.0	4.60	0.54
B7	Saya rasa tugas kursus PPPM adalah sangat sesuai dilaksanakan kepada pelajar JPDK	0.0	0.0	0.0	38.0	62.0	4.62	0.49
B8	Saya rasa tugas kursus PPPM3033 menjadikan pelajar lebih berani untuk berdebat dengan golongan anti Islam	0.0	2.0	12.0	68.0	18.0	4.02	0.62

Sumber: Soal Selidik 2014

STS – Sangat Tidak Setuju **TS** – Tidak Setuju **TP** – Tidak Pasti **S** – Setuju **SS** – Sangat Setuju

Berdasarkan Jadual 1 di atas, kebanyakan pelajar merasakan bahawa tugas berdialog adalah tugas yang sangat mencabar keupayaan mereka sebagaimana dalam Soalan B2, dengan min 4.04. Mungkin ini adalah pengalaman baru bagi mereka kerana sebelum ini mungkin tidak pernah berdialog secara serius dengan aliran yang bertentangan dengan mereka. Oleh sebab itu, tidak hairanlah sekira ramai yang merasakan kurang boleh meyakinkan rakan dialog dengan Islam seperti dalam soalan B5 dengan min 3.40. Ini mungkin kerana keupayaan berdialog secara berhikmah belum lagi dapat dibangunkan dengan baik dalam kalangan pelajar. Biarpun mereka adalah tahun 3 yang juga tahun akhir tetapi kemampuan berdialog dengan berkesan bukanlah boleh dibangunkan dalam sehari dua, tetapi ia turut melibatkan proses kematangan pelajar. Ini kerana rakan dialog mereka adalah orang yang memang sudah pakar di dalam bidang mereka manakala mereka pula boleh dianggap sebagai orang yang baru mencari pengalaman. Walau bagaimanapun, matlamat dialog bukanlah untuk mencari menang atau kalah, kerana menang dalam perdebatan tidak semestinya lawannya akan mengikutinya. Selepas tewas dalam pentas perdebatan, dia tidak akan berasa kalah dan terus berusaha mencari kelemahan untuk menjatuhkan lawannya pula. Oleh sebab itu, menurut al-Bayanuni (1999), tujuan pendakwah bukanlah untuk berbalah bagi memperoleh kemenangan, mencari musuh atau untuk menjadi masyhur tetapi tujuannya adalah untuk menyampaikan dakwah Allah. Segala bukti lojik

yang kukuh dikemukakan dan terpulang kepada rakan dialog untuk menerima atau sebaliknya kerana hidayah adalah milik Allah.

Namun, biarpun rata-rata pelajar merasakan tugas ini mencabar, tetapi mereka setuju untuk tugas ini diteruskan lagi pada masa akan datang seperti dalam B7 dengan 4.62. Ini kerana tugas ini boleh melatih para pelajar berani mengeluarkan hujah yang bernalas dalam berhadapan kumpulan yang berbeza pandangan dengan mereka secara ilmiah seperti yang ditunjukkan dalam B8, dengan min 4.02. Mungkin ini pengalaman pertama mereka terpaksa menggunakan segala ilmu dan pengalaman mereka untuk berdialog dan mereka benar-benar teruji dengan tugas ini. Tugas ini boleh melepassi tahap ketiga Bloom Taxonomy kerana ilmu yang ada pada pelajar teruji dan mereka boleh untuk berdialog biarpun belum mempunyai pengalaman.

AKTIVITI DAN POLA PENGGUNAAN MEDIA BAHARU DALAM DIALOG

Ketika berdialog, pelajar mempunyai masa untuk berfikir dan berbincang sebelum memberi maklum balas kerana dialog mereka menggunakan konsep *asynchronous* atau secara bertangguh. Konsep ini merujuk kepada dialog yang tidak mesti memberi maklum balas secara segera. Ia tidak terikat dengan sebarang tempat dan masa di mana mereka bebas untuk memberikan maklum balas, malahan mungkin sahaja mereka mengabaikan mesej dari rakan dialog mereka. Masa yang ada itu boleh digunakan untuk membuat rujukan, berfikir dan bertanya kepada orang lain sebelum membalias. Ia berbeza dengan dialog secara *synchronous* di mana komunikasi itu berlaku secara terus dan peserta dialog terus memberikan maklum balas tanpa bertangguh. Contohnya dialog secara bersemuka atau menerusi perbualan telefon yang memaksa kedua-dua belah pihak memberikan maklum balas segera. Komunikasi di dalam Facebook biasanya dijalankan dengan cara *asynchronous* kerana pengguna Facebook bebas untuk memberikan maklum balas pada bila-bila masa. Berikut adalah Jadual 2 yang menerangkan aktiviti dan pola penggunaan media baharu dalam berdialog.

Jadual 2: Aktiviti dan Pola Penggunaan Media Baharu dalam Berdialog

Bil	Aktiviti dan Pendekatan Pelajar	Peratus (%)					Min	S.P.
		STS	TS	TP	S	SS		
C1	Saya banyak mencari maklumat berkaitan isu Syiah dan Murtad.	0.0	0.0	4.0	74.0	22.0	4.18	0.48
C2	Saya membuat rujukan yang cukup daripada Internet sebelum berinteraksi dengan kumpulan Syiah dan Murtad.	0.0	16.0	10.0	48.0	26.0	3.84	0.99
C3	Saya turut bertanya kepada rakan-rakan dan pensyarah untuk menjawab persoalan daripada kumpulan Syiah dan Murtad.	0.0	2.0	8.0	72.0	18.0	4.06	0.59
C4	Saya mendapatkan bantuan dari rakan-rakan dan pensyarah untuk mendapatkan maklumat berkaitan Syiah dan Murtad.	0.0	2.0	4.0	76.0	18.0	4.10	0.54
C5	Saya sentiasa mendapatkan sokongan daripada pensyarah dan rakan-rakan sebelum berhujah dengan kumpulan Syiah dan Murtad di Facebook	0.0	0.0	14.0	72.0	14.0	4.00	0.54
C6	Saya mencari sumber maklumat di dalam buku sebagai alternatif untuk mendapatkan idea ketika berhujah dengan kumpulan Syiah dan Murtad di Facebook	0.0	6.0	18.0	70.0	6.0	3.76	0.66
C7	Saya menggunakan perkataan yang berhemah ketika mengeluarkan hujah kepada kumpulan Syiah dan Murtad di Facebook	0.0	0.0	6.0	76.0	18.0	4.12	0.48
C9	Saya menggunakan pendekatan yang berhikmah semasa mematahkan hujah kumpulan Syiah dan Murtad.	0.0	2.0	8.0	84.0	6.0	3.94	0.47
C10	Saya menggunakan contoh-contoh yang bersesuaian sebagai bukti untuk menolak hujah daripada kumpulan Syiah dan Murtad di Facebook	0.0	0.0	24.0	64.0	12.0	3.88	0.59

Sumber : Soal Selidik 2014

STS = Sangat Tidak Setuju **TS** = Tidak Setuju **TP** = Tidak Pasti **S** = Setuju **SS** = Sangat Setuju

Berdasarkan Jadual 2, kebanyakan mereka bersetuju bahawa mereka banyak mencari maklumat berkaitan isu Syiah dan Murtad seperti dalam item C1 dengan min 4.18. Ini bermakna mereka sudah cukup terdedah dengan maklumat yang berkaitan dan tidak menjadi suatu kejanggalan apabila tugas ini diberikan kepada mereka. Sewaktu berdialog pula, para pelajar telah membuat persediaan yang baik. Ada di kalangan mereka yang bertanya dengan rakan-rakan dan pensyarah (item C4 dengan min 4.06), ada pula yang menggunakan Internet sebagai sumber maklumat (C2 dengan min 3.84) dan mencari maklumat di dalam buku (C6 dengan min 3.76). Dapatkan ini menunjukkan bahawa perbincangan menerusi rakan-rakan dan pensyarah lebih banyak berbanding dengan medium yang lain terutamanya dengan membaca buku.

Dari sudut Bloom Taxonomy, tugas berdialog ini boleh mengaktifkan pelajar untuk mencari sendiri maklumat sama ada dari sumber rakan, pensyarah, sumber Internet atau pun buku. Mereka terpaksa mencari sendiri kerana tanpa bahan mereka tidak dapat berdialog atau tidak dapat memberikan idea yang bernas. Sekiranya mereka ingin menguasai dialog itu, mereka memerlukan kepada pembacaan yang luas di dalam topik berkenaan. Mereka boleh berbincang sesama mereka, cuma kebimbangannya ialah apabila mereka membuat tafsiran yang salah yang akan menjurus kepada kefahaman yang sesat. Ia akan menyebabkan kepada penyebaran salah faham dan pegangan yang salah disampaikan kepada rakan dialog.

Semasa dialog pula, mereka merasakan bahawa mereka menggunakan pendekatan yang berhemah (3.92), dengan kata lain menggunakan pendekatan yang rasional, bukan secara emosi. Ini memang ditekankan di dalam dialog kerana pendekatan emosi akan membawa kesan yang tidak baik. Pendakwah perlu boleh mengawal emosi dan tahan provokasi kerana apabila teremosi dikhuatiri ia tidak akan dihormati.

KELANCARAN TUGASAN DIALOG MAYA

Melaksanakan dakwah menerusi medium maya merupakan tugas yang mencabar dan halangannya pun sungguh hebat. Pendakwah terpaksa berhadapan dengan hujah-hujah dari pihak yang tidak suka kepada Islam. Jadual 3 akan menjelaskan tentang kelancaran tugas menjalankan dialog secara maya dengan kumpulan yang bertentangan.

Jadual 3: Kelancaran Tugasan Dialog Maya

Bil	Keberkesanannya terhadap Cabaran/halangan	Peratus (%)					Min	S.P.
		STS	TS	TP	S	SS		
D1	Saya masih lagi meneruskan interaksi dengan mereka walaupun sudah selesai mengikuti kursus PPPM3033	10.0	52.0	30.0	8.0	0.0	2.36	0.77
D2	Saya berasa yakin untuk mengeluarkan hujah kepada kumpulan Syiah dan Murtad selepas melakukan tugasan PPPM3033	0.0	4.0	20.0	72.0	4.0	3.76	0.59
D4	Saya mampu menghadapi hujah dan persoalan daripada kumpulan Syiah, dan Murtad yang akan dikeluarkan	0.0	4.0	60.0	36.0	0.0	3.32	0.55
D5	Saya mampu mengalahkan kumpulan Syiah dan Murtad berdasarkan hujah yang diberikan	0.0	4.0	50.0	46.0	0.0	3.42	0.58
D6	Saya mendapat banyak ilmu selepas berhujah dengan kumpulan Syiah dan Murtad di Facebook	0.0	0.0	10.0	56.0	34.0	4.24	0.63
D7	Saya rasa Internet merupakan medium yang sesuai untuk mengekang dakyah kumpulan Syiah dan Murtad	0.0	2.0	30.0	52.0	16.0	3.82	0.72
D8	Saya berasa mudah apabila berinteraksi dua hala dengan golongan Syiah dan Murtad menerusi maya	0.0	22.0	30.0	46.0	2.0	3.28	0.83
D9	Saya rasa semakin mahir untuk menggunakan komunikasi secara maya terhadap kumpulan Syiah dan Murtad di Facebook	0.0	2.0	28.0	70.0	0.0	3.68	0.51
D10	Saya tahu untuk mengaplikasikan maklumat yang diperolehi untuk mematahkan hujah kumpulan Syiah dan Murtad di Facebook	0.0	0.0	16.0	66.0	18.0	4.02	0.59

Sumber : Soal Selidik 2014

STS = Sangat Tidak Setuju **TS** = Tidak Setuju **TP** = Tidak pasti **S** = Setuju **SS** = Sangat Setuju

Berdasarkan kepada Jadual 3 di atas, ramai pelajar berpandangan bahawa mereka mendapat banyak ilmu berkaitan golongan berkenaan selepas berdialog dengan mereka seperti yang ditunjukkan dalam item D6 dengan min 4.24. Ini bermakna bahawa tugasan ini telah memberikan input yang baik kepada pelajar dari sudut peningkatan ilmu. Dapatkan ini menunjukkan bahawa berdialog atau bermuzakarah apatah lagi dengan orang yang berbeza pandangan salah satu cara berkesan di dalam PnP. Ini dikukuhkan dengan dapatan soalan D2 yang mendapati mereka mengaku berasa lebih yakin dan bersedia untuk berinteraksi dengan kumpulan ini selepas mengikuti kursus ini dengan min 3.76. Ini kerana dialog memerlukan keupayaan untuk memahamkan maklumat dan hujah yang diberikan dan dalam masa yang sama berfikir untuk memberikan

pandangan balas yang lebih meyakinkan. Ini memerlukan kemahiran yang memerlukan kepada aktiviti pembelajaran yang boleh mencapai lebih dari tahap ketiga Bloom Taxonomy untuk menilai hujah rakannya terutamanya tahap sintesis.

Memang usaha meyakinkan orang dengan Islam adalah mencabar apatah lagi mereka yang telah sedia berpegang sesuatu pandangan yang berbeza dengan Islam. Oleh sebab itu, tidak berapa ramai mereka yang berasa ada keupayaan ini dan dapatan menunjukkan min yang sederhana iaitu 3.32 bagi item D4 dan 3.42 bagi item D5. Dapatan ini bukanlah suatu yang negatif kerana mereka masih dianggap baru dalam dunia dialog dan rakan dialog itu mungkin orang yang sudah cekap dan berpengalaman, namun mereka masih tetap mencuba. Sungguhpun demikian, tidak ramai yang masih meneruskan dialog selepas mengikuti kursus PM 3033 sebagaimana yang ditunjukkan dalam D1 dengan min yang sangat rendah itu 2.36. Mungkin pelajar merasakan tugas ini agak mencabar dan terpaksa mengambil masa yang banyak untuk menyediakan bahan dialog dan memberikan maklum balas terhadap mesej yang disampaikan.

PENUTUP

Tugasan dialog maya ini merupakan suatu usaha yang boleh membawa kepada keberkesanan dalam PnP, apatah lagi sekiranya dialog dalam konteks pandangan yang berbeza sehingga membawa kepada perdebatan. Pelajar terpaksa memerah otak untuk mencari idea bagi memberikan maklum balas seperti mana yang ditunjukkan dalam hasil kajian ini. Ini memang boleh memberikan kesan kepada kemahiran kognitif yang secara tidak langsung mengasah kemahiran memberikan pandangan dengan kelompok yang berbeza. Kelebihan yang ada pada dialog maya ialah ruang masa yang tidak memerlukan kepada mereka untuk menjawab semua persoalan itu secara segera. Ini memberikan kepada pelajar ruang yang luas untuk belajar dan mengkaji serta menganalisis secara mendalam sebelum memberikan sebarang pandangan.

Pelajar yang ditugaskan untuk berdialog dengan kumpulan Syiah dan Murtad, merupakan orang yang tiada pengalaman dalam berdialog, apatah lagi secara maya. Mereka adalah orang baru yang berdialog kepada orang yang sudah lama dan ada pengalaman. Oleh sebab itu, mereka memerlukan kepada pembimbing yang boleh membimbing mereka meneruskan dialog dengan cara berkesan. Peranan pembimbing ini sangat penting kerana pelajar boleh dianggap masih mentah lagi dalam berhadapan dengan orang yang sudah lama dan sangat berpengalaman.

RUJUKAN

- Aclan, E. M., Aziz, A., Hashima, N., & Valdez, N. P. (2016). Debate as a Pedagogical Tool to Develop Soft Skills in EFL/ESL Classroom: A Qualitative Case Study. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 24(1), 213-240.
- Anderson, L. W., Krathwohl, D. R., Airasian, P., Cruikshank, K., Mayer, R., Pintrich, P., & Wittrock, M. (2001). *A taxonomy for learning, teaching and assessing: A revision of Bloom's taxonomy*. New York: Longman Publishing.
- Annamalai, N., Tan, K. E., & Abdullah, A. (2016). Teaching Presence in an Online Collaborative Learning Environment via Facebook. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 24(1), 197-212.
- Al-Bayānūnī, M.. (1999). *Al-Madkhāl ilā 'ilm al-Da'wah*. Bayrūt: Muasssat al-Risalah.
- Al-Ghadbān, M.M. 2011. *Al-Hiwār, Sharī'at, wa wāqi'an, wa tārikhan*. Al-Qāhirah: Dār al-Salām.
- Buku Panduan Pra-siswazah 2013. (2013). Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Kennedy, D. (2006). *Writing and using learning outcomes: a practical guide*. University College Cork.
- Long Alex Lai, I. (2005). Knowledge management for Chinese medicines: a conceptual model. *Information Management & Computer Security*, 13(3), 244-255.
- Ashaari, M. F., & Saparudin, N. A. F. (2012). Kriteria newsworthiness dalam entri Facebook dakwah. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 34, 45-51.
- Walbridge, J. (2011). *God and Logic in Islam: The Caliphate of Reason*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Whiteley, T. R. (2014). Using the Socratic method and Bloom's taxonomy of the cognitive domain to enhance online discussion, critical thinking, and student learning. *Developments in Business Simulation and Experiential Learning*, 33.